

## BAB 2

### Etika Dan Teknologi Komunikasi Maklumat (TKM).

#### 2.1 Falsafah Etika.

##### 2.1.1. Pengenalan.

Secara amnya, masyarakat dan organisasi semakin hari semakin bergantung kepada teknologi komputer. Mereka yang terlibat di dalam proses perkembangan dan penggunaan komputer terpaksa menghadapi sistem yang semakin kompleks serta menyebabkan proses membuat keputusan(*decision making*) terikat dengan dilemma etika.

Bahasa pengaturcaan program terus dimajukan untuk menghasilkan keupayaan baru kepada teknologi TKM. Kerana itulah TKM dikatakan sebagai suatu teknologi yang unik dan ia memerlukan perhatian yang khusus. Ini memaksa pihak yang terlibat di dalam pengkajian bidang etika di dalam TKM ini untuk mencari nilai moral yang baru, merumus prinsip-prinsip etika yang baru, mengembangkan polisi baru dan memikirkan kaedah baru untuk menghuraikan isu-isu yang muncul di dalam bidang ini. Terdapat keperluan untuk memahami asas budaya, asas sosial, kesahihan dan isu etika yang terkandung di dalam disiplin perkomputeran. Para professional yang terlibat di dalam disiplin perkomputeran ini mesti memikul tanggungjawab dan mengambil langkah proaktif di dalam memajukan kaedah-kaedah penyelesaian yang bukan sahaja berbentuk teknikal tetapi juga yang bukan teknikal seperti permasalahan etika (Deborah G. Johnson et al. 1995:15).

##### 2.1.2. Definisi Etika

Etika berasal daripada perkataan Yunani, iaitu *ethos* yang bermaksud hukum, adat resam, kebiasaan dan budi pekerti( Abdul Rahman 1999 : 10). Etika juga merupakan salah satu daripada cabang bidang Falsafah yang mengkaji tentang apakah yang dikatakan betul,

alah, baik atau jahat. Persoalan falsafah etika sebenarnya membahaskan tentang keputusan orang sepatutnya diambil. Persoalan Etika tidak ada kena mengena dengan jenis perbuatan yang seseorang itu akan lakukan tetapi menilai *standard* suatu perbuatan itu yang penting.(Manuel Velasquez 1994 : 431-432).

Manakala apa yang dikatakan Prinsip-prinsip Etika ialah aturan-aturan berupa idea tentang kelakuan yang boleh diterima di dalam sesuatu masyarakat(Ernest A Kallman et al. 1996 : 3-4). Falsafah Etika yang juga dikatakan juga falsafah moral bermaksud suatu ilmu yang cuba memahami sistem moral atau tindak-tanduk manusia dalam hidupnya melalui pemahaman falsafah. Moral dan etika selalunya mempunyai makna yang sama. Walau bagaimanapun, adalah baik jika dapat dibezakan antara keduanya, sekalipun ia agak sukar untuk membezakannya. Kedua-dua istilah moral dan etika dikatakan sama kerana bersangkutan dengan kegiatan-kegiatan praktikal yang berhubung dengan tingkah-laku, adat dan cara hidup serta aspek-aspek niat dan kecenderungan seseorang atau masyarakat dalam melakukan satu-satu aktiviti ( Mohd. Nasir Omar 1986 : 45).

Walaupun pelbagai cara pembahagian ini diterima, secara persis, penggunaan istilah moral umumnya merujuk kepada perbuatan atau aturan perbuatan yang diamalkan oleh manusia, manakala etika merujuk kepada aspek pengkajian perbuatan ataupun kod moral yang diikuti oleh seseorang.

#### 2.1.3. Pembahagian Etika

Bidang pengkajian etika dapat dibahagikan kepada dua – *etika normatif* dan *etika bukan normatif*. Di dalam bab ini, hanya etika normatif sahaja yang akan dibincangkan.

#### a. Etika Normatif

Etika normatif adalah satu daripada disiplin yang membuat kritikan dan penilaian terhadap tanggungjawab dan nilai etika yang ada. Ini bertujuan untuk mencadangkan suatu aturan etika yang dianggap terbaik atau sebaliknya. Etika normatif akan membentuk sistem etika yang baru berdasarkan prinsip etika yang *standard*. Samalah seperti membentuk ‘Etika Perubatan’, ‘Etika Perniagaan’ ataupun ‘Etika Kejuruteraan’. Ahli-ahli etika normatif sentiasa cuba untuk menentukan dengan tepat apakah landasan moral yang sepatutnya diikuti supaya sesuatu perbuatan itu dilakukan dengan tertib yang betul dan *consistent* dari segi moral (James Fieser 1998 : 1-3).

Etika normatif adalah usaha untuk menerangkan dan menjustifikasi masaalah tertentu seperti sex sebelum perkahwinan, *euthanasia*<sup>1</sup>, pengklonan manusia dan ibu tumpang. Bidang ini dinamakan etika normatif kerana ahli-ahli etika menggunakan prinsip-prinsip etika di dalam usaha untuk menyelesaikan masaalah moral. Contohnya di dalam membela seseorang yang telah melanggar undang-undang sivil, rayuan yang diajukan akan merujuk kepada prinsip-prinsip keadilan dan kesamarataan (Manuel Velasquez 1994 : 432-433).

#### b. Dimensi Etika Normatif

- i) Di dalam bentuk perintah/arahan (*Prescriptive*)

Contohnya: Jangan mencuri!

- ii) Berbentuk menyeluruh (*Universal*).

Ia bukan sahaja melarang seseorang individu sahaja tetapi meliputi semua pihak. Iaitu sekiranya suatu aturan itu telah ditetapkan, aturan itu bukan sahaja terkena kepada orang lain, termasuk individu yang mengeluarkan aturan itu.

- iii) Mempunyai kuasa secara eksklusif (*Autonomous*).  
Etika normatif berbeza dengan nilai-nilai kehidupan lain, Moraliti itu sendiri tidak boleh dibandingkan secara langsung dengan bidang kehidupan lain. ianya berbeza. Mempunyai hak atau kuasanya sendiri.
- iv) Mengatasi kemahuan seseorang (*Overriding*).  
Mengatasi kehendak yang ada dalam diri seseorang. Contohnya sekiranya pelajar A menerima pakai prinsip etika B, pelajar A tidak boleh mengambil barang orang lain tanpa kebenaran kerana prinsip etika B melarang dia daripada berbuat demikian.(Siponena, Mikko T. 1997 : 1-6).

Dua aliran utama di dalam etika normatif ialah aliran *Consequentialism* dan aliran *Non-Consequentialism(Deontologikal)*.

## 2.2 Aliran *Consequentialism*.

### 2.2.1 Definisi

Teori *Consequentialism* menyatakan bahawa ukuran baik atau buruknya sesuatu perbuatan itu didasarkan kepada akibat atau hasil akhir sesuatu perbuatan. Seorang ahli aliran *Consequentialism* menganggap bahawa nilai sesuatu perbuatan adalah berdasarkan nisbah baik kepada jahat yang terhasil daripada perbuatan itu. Tindakan yang diambil dikatakan bersifat baik apabila ia menghasilkan nisbah kebaikan kepada keburukan yang paling besar berbanding tindakan lain. Tindakan yang menghasilkan nisbah keburukan kepada kebaikan yang besar dikatakan tindakan yang salah (Manuel Velasquez 1994 : 439). Dua cabangan di dalam aliran ini yang utama ialah *Egoism* dan *Utilitarianism*.

### 2.2.2 *Egoism*.

Aliran ini mempercayai bahawa di dalam menentukan aspek moral sesuatu perbuatan kita sepatutnya mempertimbangkan kesan ke atas diri sendiri semata-mata. Ia berkenaan dengan konsep bijaksana di dalam menentukan kepentingan diri atau pihak tertentu untuk jangkamasa panjang (*long-term rationality*). Sekiranya sesuatu perbuatan itu tidak memberikan kebaikan dalam jangkamasa panjang kepada pelakunya, ia dikatakan tindakan yang bodoh dan tidak bijaksana.

*Egoism* memberikan justifikasi<sup>2</sup> di dalam mengusahakan perbuatan demi kebaikan diri sendiri untuk jangkamasa panjang. *Egoism* adalah fahaman yang dipegang oleh Epicurus(341-270SM)<sup>3</sup>. Ia menyatakan bahawa semua individu harus bekerja untuk mendapatkan kemewahan dan kebaikan untuk diri sendiri. Menurut Manuel Velaquez ( 1994:440), terdapat perbezaan di antara egoism seseorang yang tidak mahu mengakui kesalahan yang mereka lakukan dengan sikap hendak memajukan diri. Sikap egoism yang digunakan di dalam persaingan untuk memajukan diri sendiri merupakan sikap yang dapat diterima. Walaubagaimanapun, egoism tidak boleh dijadikan rujukan tunggal di dalam melaksanakan sesuatu perbuatan, ia harus dilaksanakan serentak dan selaras dengan prinsip-prinsip etika lain. Ini dapat mengawal sebarang bentuk perbuatan yang hanya mementingkan diri sendiri dan memberi kemudharatan kepada orang lain.

### 2.2.3 *Utilitarianism*.

Aliran ini mempercayai bahawa setiap perbuatan yang memberi nisbah akibat yang baik berbanding nisbah yang buruk adalah baik dengan cara lebih mementingkan golongan majoriti dan kesanggupan untuk menyihih atau menghapuskan golongan minoriti untuk memberi kebaikan kepada golongan majoriti. Ini adalah kerana mereka mementingkan nisbah

kebaikan yang besar menentukan nilai baik atau buruknya sesuatu perbuatan. Tokoh utama yang membahaskan *Utilitarianism* ialah Jeremy Bentham (1748-1832) dan Stuart Mill(1806-1873).

Jeremy Bentham membezakan di antara Tindakan *Utilitarianism* (*Act Utilitarianism*) dan Peraturan *Utilitarianism* (*Rule Utilitarianism*). Tindakan Utilitarianisme adalah tindakan yang dilakukan untuk mendatangkan kegembiraan kepada orang lain. Sesuatu tindakan dikatakan baik apabila tindakan tersebut mendatangkan kegembiraan kepada lebih ramai orang walaupun terpaksa berlaku tidak adil kepada seseorang individu. Peraturan Utilitarianisme(*Act Utilitarianism*) pula bermaksud kita mesti bertindak dengan memilih peraturan ada di dalam masyarakat agar dapat memberikan kesan yang terbaik kepada masyarakat( Manuel Velasquez 1994 : 443-445)..

## 2.3 Aliran *Non-Consequentialism*(*Deontological*).

### 2.3.1 Definisi

Teori *Non-Consequentialism* menyatakan bahawa ukuran nilai suatu perbuatan bergantung kepada faktor yang bukan berdasarkan akibat perbuatan. *Teori Non-Consequentialism* menjadikan pelbagai aturan hidup sebagai rujukan tindakan moral manusia. Tindakan di luar landasan atau batasan aturan hidup dianggap tak bermoral. Dua aliran *Teori Non-Consequentialism* yang utama adalah Hukum Kerohanian(tertulis di dalam kitab-kitab agama) dan Teori Kewajipan Mutlak Immanuel Kant(*Kant's Categorical Imperative*)( Manuel Velasquez 1994 : 451).

### 2.3.2 Hukum Ketuhanan.

Teori etika di dalam aliran hukum kerohanian ialah teori etika *Non-Consequentialism* yang merujuk hanya kepada prinsip yang menyatakan setiap tingkah-laku itu harus dilaksanakan berdasarkan apa yang telah diperintahkan oleh tuhan. Jika tingkah-laku seseorang itu berdasarkan perintah tuhan, maka perbuatannya dikatakan sebagai perbuatan terpuji. Jika sesuatu tingkah laku itu tidak mengikut apa yang telah diperintahkan oleh tuhan, ia dikatakan sebagai perbuatan yang keji. Teori ini menyatakan bahawa mematuhi apa yang telah diperintahkan oleh tuhan bukan bermaksud tindakan tersebut akan memberikan kebaikan kepada pelakunya ataupun ia merupakan kebaikan universal ataupun ia mematuhi prinsip-prinsip yang benar, tetapi mematuhi perintah tuhan adalah semata-mata atas kehendak tuhan.

Hasil daripada mematuhi aturan-aturan ketuhanan, secara tidak langsung undang-undang moral sangat juga akan diperolehi. Secara khusus, teori hukum kerohanian tidak meletakkan pematuhan kepada hukum tuhan atas dasar egoistik. Ini disebabkan peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh tuhan berbeza daripada apa yang dianggap oleh seseorang individu atau masyarakat. Ia telah ditetapkan oleh tuhan. Ia tidak bersifat '*autonomous*' dan mengikat para penganut kepada ajarannya. Contohnya hukum-hukum yang telah termaktub di dalam kitab-kitab keagamaan seperti *Al-Quran* bagi orang-orang Islam dan *Kitab Injil* bagi orang-orang yang beragama Kristian. Walaubagaimanapun, ia dikatakan masih mempunyai kelemahan berkenaan asas kepercayaan. Persoalan yang ditimbulkan ialah; Bagaimana kita mengetahui bahawa perintah itu datangnya dari Tuhan?, Bagaimanakah kita tahu bahawa apa yang diperintahkan oleh tuhan itu benar?, Adakah apabila perintah tuhan untuk melaksanakan kekejaman itu juga dikatakan benar?. Ini antara sebab-sebab terjadinya pengabaian beberapa prinsip daripada agama tertentu( Manuel Velasquez 1994 : 451-452).

### 2.3.3 Kewajipan Mutlak Kant(*Kant's Categorical Imperative*).

Teori ini berdasarkan konsep yang dipegang oleh Immanuel Kant yang mengatakan bahawa kemahuan manusia harus dimotivasikan oleh suatu sebab atau “*maxims*”<sup>4</sup>. “Kemahuan yang baik” ialah kemahuan yang dimotivasikan untuk melakukan suatu tindakan semata-mata kerana ia adalah tanggungjawab moral dan bukan semata-mata kerana tindakan itu mengandungi sebarang kepentingan peribadi ataupun memberikan kepuasan peribadi. Menurut Kant, bertingkah laku secara moral, bermaksud bertingkah laku hanya kerana “*maxims*” atau kerana suatu sebab yang bersifat universal yang dapat diterima semua manusia ( Manuel Velasquez 1994:452).

#### 2.3.3.1 Aspek teori Kant

Aspek teori Etika Kant yang paling utama berdasarkan petikan daripada naskhah (yang berjudul *Groundwork of the Metaphysics of Morals*.) beliau yang berikut:

“Kemahuan dan kecenderungan bagi seseorang manusia itu adalah suatu ciri unik bagi kapisiti manusia yang mesti didorong berdasarkan “*maxims*” atau hujah. Kecenderungan yang baik ialah kecenderungan yang didorong untuk melakukan suatu perbuatan bukan kerana semata-mata kepentingan peribadi tetapi kerana ia adalah tanggungjawab moral. Dorongan terhadap tanggungjawab adalah bermaksud dorongan untuk berbuat sesuatu kerana seseorang itu percaya bahawa ia merupakan perbuatan yang seharusnya dilakukan oleh orang lain. Suatu perbuatan dikatakan bermoral apabila sesuatu perbuatan itu didasarkan kepada “*maxims*” atau hujah yang dipercayai juga akan menjadi dasar perbuatan orang lain atau bersifat universal”.

Suatu kecenderungan itu dianggap sebagai belum diakui baik yang tiada kewajaran kecuali ia berpandangan berdasarkan prinsip berikut: Kecenderungan yang berdasarkan

prinsip “*maxims*” yang akan diikuti oleh orang lain sebagai suatu undang-undang sejagat. Beliau juga menyatakan sekiranya sesuatu tindakan itu dilakukan berdasarkan *maxims* atau hujah yang tidak akan menjadi undang-undang sejagat maka perbuatan itu wajar. Kant membahagikan kewajipan itu kepada kewajipan sempurna(*perfect duty*). kewajipan tidak sempurna(*imperfect duty*) dan kewajipan berbuat kebajikan (Manuel Velasquez 1994:453).

### 2.3.3.2 Kewajipan sempurna (*perfect duty*).

Seperti yang telah dibincangkan sebelum ini, peraturan yang asas di dalam menilai aspek moral sesuatu perilaku ialah kita mesti berkecenderungan yang berdasarkan andaian bahawa perbuatan itu mungkin menjadi undang-undang sejagat. Kewajipan sempurna ialah tingkah laku yang terbaik dan konsisten yang boleh menjadi ikutan orang lain. Pada peringkat ini, tidak ada sebab bagi orang lain untuk tidak mematuhiinya. Ia juga dikatakan undang-undang sejagat secara tabii.

Tanggungjawab sempurna terbahagi kepada dua.

i) Tanggungjawab sempurna kepada diri sendiri :

Tanggungjawab yang melibatkan diri sendiri merupakan tanggungjawab yang mesti dipenuhi, kalau tidak dipenuhi, ia dikatakan telah melanggar undang-undang sejagat secara tabii. Contohnya seorang lelaki yang telah melanggar undang-undang sejagat secara tabii dengan cara membunuh diri sendiri kerana kesengsaraan yang dialaminya.

ii) Tanggungjawab sempurna kepada orang lain.

Tanggungjawab yang melibatkan hubungan dengan orang lain yang mesti dipenuhi dan sekiranya tidak dipenuhi akan dikatakan sebagai telah melanggar undang-undang alam yang bersifat tabii. Contohnya orang yang telah meminjam duit

daripada orang lain sedangkan dia tahu bahawa dia tidak ada kemampuan membayar balik wang tersebut adalah suatu perbuatan yang tidak bermoral (Manuel Velasquez 1994:454).

#### 2.3.3.3 Kewajipan tidak sempurna (*imperfect duty*).

Tanggungjawab tidak sempurna ialah tingkah-laku yang berdasarkan “*maxims*”/hujah yang boleh menjadi undang-undang sejagat secara tabii tetapi tidak semestinya menimbulkan kecenderungan kepada orang lain untuk melakukan tingkah laku yang sama. Dengan itu ia bersifat tidak konsisten dan seseorang individu diberi pilihan samada hendak melakukannya atau tidak.

Terdapat dua jenis tanggungjawab tidak sempurna berdasarkan Kant:

i. Tanggungjawab tidak sempurna kepada diri sendiri

Tanggungjawab tidak sempurna kepada diri sendiri bermaksud sekiranya tidak dipenuhi ia tidak dikatakan telah melanggar undang-undang sejagat yang bersifat tabii. Contohnya seorang lelaki yang mempunyai kebolehan kemampuan tetapi hanya digunakan untuk keseronokan semata-mata, ia dikatakan tidak digunakan untuk mencapai pencapaian yang lebih membanggakan.

ii. Tanggungjawab tidak sempurna kepada orang lain

Tanggungjawab tidak sempurna kepada orang lain bermaksud sekiranya tanggungjawab kebijakan ke atas orang lain tidak dipenuhi, ia tidak boleh dianggap sebagai nilai sejagat. Contohnya seorang kaya yang mampu menolong orang yang sedang dalam kesengsaraan tetapi tidak ditolong olehnya kerana pada anggapannya biarlah kehidupan orang lain berdasarkan usahanya, pada pendapat

ia, selagi dia tidak mencuri atau mengganggu orang lain, itu tidak dianggap menjadi suatu jenayah. Tetapi sekiranya cara berfikir sedemikian menjadi universal, diskriminasi berdasarkan status akan berlaku. Walaupun perbuatan itu boleh menjadi undang-undang sejagat seseorang individu itu tidak dapat melahirkan kecenderungan yang kemudian akan menjadi undang-undang sejagat kerana ini akan menimbulkan konflik kepentingan (Manuel Velasquez 1994:455).

#### 2.3.3.4 Kewajipan berbuat kebajikan.

##### i. Kewajipan tegas kepada diri sendiri (*Strict duty to oneself*)

Seseorang yang bercadang hendak membunuh dirinya sendiri perlu mempertimbangkan perkara tersebut kembali kerana ia tidak konsisten dengan ide yang menyatakan hasil/tujuan kehidupan mesti bersifat kemanusiaan. Dia dikatakan telah menggunakan dirinya sebagai alat untuk memenuhi keinginannya.

##### ii. Kewajipan tegas kepada orang lain.

Kewajipan yang tegas kepada orang lain: jangan menggunakan orang lain untuk kepentingan diri sendiri. Contohnya menipu orang lain uantuk mencapai matlamat peribadi.

##### iii. Kewajipan terpuji kepada diri sendiri (*meritorious duty to oneself*).

Tidak sekadar menggunakan kebolehan diri sendiri untuk kepentingan diri sendiri tetapi juga untuk mencapai kejayaan yang lebih cemerlang berdasarkan kemampuan yang ada di dalam dirinya.

##### iv. Kewajipan terpuji kepada orang lain (*meritorious duty to others*).

Memang manusia akan tetap dapat hidup dan mencapai kebahagiaan walaupun mereka tidak saling berbuat baik antara satu sama lain tetapi bahkan menahan diri daripada menyakiti orang lain. Tetapi ini hanya akan menjadi suatu cara yang negatif jika ia mengelak sebarang interaksi.

Pendapat Kant versi kedua ini mengandungi perkara-perkara yang menyatakan kita tidak sepatutnya menggunakan orang lain sebagai alat yang hanya berfungsi untuk memenuhi kemauan diri sendiri. Secara moral, ia menuntut supaya kita sentiasa memberi pilihan kepada orang lain untuk memilih sama ada mereka hendak bersama-sama melakukan sesuatu perbuatan itu atau tidak. Ini akan mengelakkan sebarang penipuan, paksaan ataupun manipulasi dan apa-apa yang boleh membawa kepada eksplorasi orang lain untuk kepentingan peribadi (Manuel Velasquez 1994 : 456).

## 2.4 Etika Gunaan (*Applied Ethics*)

### 2.4.1 Definisi.

Etika Gunaan merupakan etika berbentuk praktikal yang diterbitkan daripada etika normatif. Etika gunaan merupakan satu bentuk set peraturan, kod atau tingkah laku yang telah ditetapkan serta dikuatkuasakan oleh sesuatu institusi tertentu(Christine Henry 1995 : 8). Etika gunaan ialah salah satu cabangan di dalam pengajian etika yang merangkumi analisa khusus, isu moral yang kontroversial seperti pengguguran, hak binatang, dan euthanasia. Di dalam tahun-tahun kebelakangan ini, etika gunaan telah diterima pakai dalam bidang-bidang tertentu seperti Etika Perubatan, Etika Perniagaan, Etika Alam Sekitar dan Etika Sosial. Sesuatu isu dikatakan termasuk di dalam perbahasan etika gunaan apabila ia memenuhi dua kriteria .

Pertama, isu itu haruslah kontroversial di dalam erti kata yang mana terdapat pihak yang menyokong dan ada pihak yang menentang sebarang perlaksanaan isu tersebut di dalam masyarakat. Isu seperti menembak sesuka hati contohnya bukanlah satu isu untuk dibincangkan di dalam etika gunaan kerana masyarakat umumnya telah menolak perilaku seperti itu. Tetapi, persoalan adakah patut semua orang diberi hak untuk memiliki senjata itu boleh dijadikan isu di dalam perbincangan etika gunaan kerana terdapat pihak yang menentang dan ada pihak yang menyokong.

Kedua, untuk sesuatu isu itu diterima di dalam perbincangan etika gunaan, ia mestilah isu yang benar-benar berbeza berbanding dengan tatacara sosial yang tradisional ataupun yang sedia ada. Isu-isu yang biasa seperti perilaku gay di kalangan anggota tentera, amalan perniagaan yang berteraskan *sosialism*, sistem kesihatan swasta atau kerajaan, penyimpanan tenaga nuklear adalah isu kontroversial dan mempunyai impak yang penting di dalam masyarakat; Namun begitu tidak semuanya merupakan isu etika. Terdapat isu polisi dan isu moral yang melibatkan etika gunaan dan ada yang tidak (James Fieser 1998 :1-3).

Matlamat polisi masyarakat adalah untuk menjadikan sistem masyarakat dalam keadaan yang harmoni dengan perlaksanaan undang-undang seperti undang-undang trafik, undang-undang percuakan dan undang-undang negeri. Manakala isu moral pula berkenaan dengan amalan kewajipan yang bersifat universal, seperti tugas kita di dalam mencegah sebarang bentuk penipuan. Di samping itu, sering terdapat pertindihan di antara polisi masyarakat dan isu moral seperti kes membunuh yang mana ia salah dari segi polisi dan juga dikatakan tidak bermoral. Walaubagaimanapun, kedua-duanya iaitu isu polisi dan isu moral adalah berbeza. Contohnya ramai orang menyatakan melakukan sex rambang itu tidak bermoral, tetapi majoriti ahli masyarakat merasakan tidak perlu mengadakan polisi sosial untuk mengatur amalan seumpama itu atau undang-undang untuk menghukum mereka yang

melakukan amalan sex rambang itu. Contoh kedua, terdapat sesetengah tempat yang melarang jiran tetangga melakukan jualan di halaman masing-masing. Tetapi sebenarnya, selagi mana jiran lain tidak merasa diri mereka diapa-apakan, tidak salah bagi seseorang jiran itu mengadakan jualan di belakang rumahnya. Oleh kerana itu untuk menjadi sesuatu isu di dalam topik perbincangan etika gunaan, sesuatu isu itu mestilah bukan semata-mata menjadi polisi sosial, ia mestilah secara moralnya juga adalah relevan (James Fieser 1998 :1-3).

Secara teori, menangani sesuatu isu etika gunaan harusnya menjadi mudah. Contohnya Isu amalan penggunaan perisian tiruan untuk bahan pengajaran di sekolah, kita hanya menentukan samada isu tersebut bermoral ataupun tidak dengan merujuk kepada prinsip-prinsip etika normatif yang sedia ada seperti teori *Utilitarianism*. Jika hasil daripada amalan penggunaan perisian tiruan di sekolah memberikan nisbah kemanfaatan melebihi daripada keburukan, maka perbuatan itu dikatakan bermoral. Tetapi masaalahnya sekarang ini ialah terdapat unsur-unsur etika normatif lain yang memberikan alternatif kepada prinsip-prinsip yang digunakan dan ini akan memberikan banyak perbezaan pendapat. Contohnya akta hakcipta yang bersaskan kepada larangan merampas hak orang lain. Dari segi pandangan Deontologikal, merampas hak orang lain adalah salah tanpa mengira kaedah apa yang digunakan. Ini berdasarkan prinsip nilai sejagat Kant( Kewajipan sempurna/perfect duty). Ini menyebabkan amalan penggunaan perisian tiruan di sekolah menimbulkan kontroversial di kalangan pendidik dan syarikat pengeluar perisian.

Maka apabila terdapatnya kekakuan di dalam perbahasan di antara menentukan prinsip manakah yang sesuai digunakan di dalam sesuatu isu, ia akan menghalang kita untuk menggunakan satu prosedur yang tetap di dalam menentukan moral sesuatu isu itu. Penyelesaian kepada permasalahan kekakuan ini ialah dengan mempertimbangkan beberapa

prinsip normatif tentang isu tersebut dan melihat di manakah letaknya persefahaman diantara semua prinsip-prinsip yang ada (James Fieser 1998 : 1-3).

#### 2.4.2 Prinsip-prinsip umum Etika Gunaan.

Prinsip-prinsip normatif iaitu daripada aliran *Consequentialism* dan *Non-Consequentialism* digunakan secara selari di dalam perbincangan etika gunaan. Beberapa prinsip etika daripada kedua-dua aliran tersebut boleh digunakan untuk menjadi suatu garis panduan bagi sesuatu bidang. Prinsip-prinsip yang dipilih haruslah memberikan impak kepada semua. Oleh kerana itu prinsip yang berkaitan dengan ilmu ketuhanan biasanya tidak disebutkan kerana ia tidak akan memberi kesan kepada golongan yang tidak mempercayai tuhan. Berikut merupakan senarai prinsip-prinsip yang biasanya digunakan di dalam perbincangan etika gunaan(James Fieser 1998 :1-3).

- Kepentingan peribadi: menyatakan sejauhmanakah sesuatu tindakan itu menghasilkan kesan keuntungan kepada individu yang berkaitan.
- Kepentingan masyarakat: menyatakan sejauhmanakah sesuatu perbuatan itu menghasilkan keuntungan kepada masyarakat.
- Prinsip keikhlasan(*kind/benevolence*): menolong mereka-mereka yang memerlukan pertolongan.
- Prinsip kebapaan (*paternalism*) : membantu mereka-mereka yang memerlukan bimbingan di dalam mengejar kepentingan mereka apabila mereka tidak mampu untuk melakukan dengan diri mereka sendiri.
- Prinsip *harm* : Jangan mencederakan orang lain.
- Prinsip *honesty*: jangan menipu(*deceive*) orang lain.

- Prinsip ketaatan kepada undang-undang( *lawfulness* ): jangan langgar undang-undang.
- Prinsip autonomi : mengakui kebebasan orang lain di dalam perbuatan mereka.
- Prinsip keadilan : keadilan di dalam membahagikan kepentingan ( *benefit*). (James Fieser 1998 : 1-3).

Dua prinsip yang pertama iaitu kepentingan peribadi dan kepentingan masyarakat, merupakan sebahagian *consequentialism* memandangkan ianya merujuk kepada akibat sesuatu perbuatan sebagaimana ia memberikan kesan kepada individu dan juga masyarakat. Dan prinsip lain seterusnya merupakan non-consequentialis dan diterbitkan daripada asas kewajipan dan juga berdasarkan teori hak. Prinsip *benevolence*, *paternalism*, *harm*, *honesty*, and *lawfulness* diterbitkan daripada asas kewajipan di dalam *non-consequentialism* terhadap orang lain. Prinsip autonomi dan keadilan diterbitkan daripada *non-consequentialism* (James Fieser 1998 : 1-3).

Satu contoh bagi memahami fungsi-fungsi di atas di dalam perbincangan etika boleh dipetik daripada kes pada tahun 1982 di mana satu pasangan suami isteri daripada Bloomington, Indiana telah melahirkan seorang anak yang cacat. Bayi yang dikenali sebagai Bayi Doe itu juga mempunyai perut yang terasing daripada lehernya yang menyukarkan pemakanan. Walaupun kecacatan perut ini boleh dipulihkan melalui pembedahan, pasangan tersebut tidak mahu bersusah-susah kerana Bayi Doe juga menghadapi kecacatan *down syndrome* dan oleh kerana itu mereka memilih untuk tidak menjalankan pembedahan serta menolak pemberian makanan kepada bayi tersebut. Mahkamah tempatan menyokong tindakan pasangan tersebut, dan selepas enam hari, Bayi Doe mati. Isu kontroversi yang muncul ialah : patutkah Bayi Doe menjalani pembedahan?

Hujah yang menyokong pembedahan keatas bayi tersebut timbul daripada prinsip hak untuk hidup bagi Bayi Doe dan prinsip *paternalism*(naluri kebapaan) dari pihak pakar

erubatan yang berpendapat pembedahan sepatutnya dijalankan ke atas Bayi Doe yang ergolong di dalam kategori orang-orang yang tidak berupaya. Hujah yang menentang pembedahan ke atas bayi tersebut terbit daripada prinsip berteraskan faedah atau keuntungan peribadi dan masyarakat. Sekiranya Bayi Doe hidup ekoran pembedahan tersebut, kualiti hidupnya dijangka amat rendah. Manakala daripada perspektif kekeluargaan, kehidupan Bayi Doe akan memberikan beban dari segi kewangan dan emosi. Apabila mempertimbangkan hujah kedua-dua belah pihak, didapati hujah yang menentang untuk menjalankan pembedahan keatas bayi itu mengatasi daripada hujah yang menyokong untuk menjalankan pembedahan keatas bayi tersebut(James Fieser 1998 : 1-3).

Isu kontroversi Bayi Doe di atas merupakan contoh yang menunjukkan bahawa tidak semua isu etika dapat dijawab hanya dengan menggunakan suatu aliran prinsip etika sahaja tetapi ia memerlukan kombinasi dari kedua-dua aliran yang ada.

#### 2.4.3 Etika TKM sebagai Etika Gunaan.

##### 2.4.3.1 Pengenalan : Etika Komputer sebagai etika TKM

Etika Teknologi Komunikasi Maklumat(TKM) merupakan suatu bidang yang sangat penting di dalam bidang Etika Gunaan. Ini memandangkan perkembangan teknologi perisian dan perkakasan di dalam revolusi komputer telah menerbitkan pelbagai masaalah (Gorniak, 1996). Etika teknologi maklumat sebenarnya berkaitan dengan Etika Komputer. Ini adalah kerana masaalah yang timbul di dalam teknologi komunikasi maklumat adalah disebabkan salah guna teknologi komputer di dalam suatu jaringan komunikasi. Oleh kerana itu kebanyakan ahli di dalam bidang ini membincangkan dilemma etika Teknologi Komunikasi Maklumat di dalam konteks Etika Komputer (Ernest A. Kallman et al.1996 : 4).

#### 2.4.3.2 Definisi.

Etika Komputer adalah analisis kesan sosial akibat penggunaan teknologi komputer serta berkenaan dengan formulasi dan justifikasi polisi di dalam menggunakan teknologi tersebut secara beretika ( James H. Moor 1995:7). Etika komputer termasuk di dalam bidang pengkajian *microethics* kerana ia bersifat praktikal ( aspek etika gunaan dan professional). Dan juga kerana ia bersifat argumentatif dan berdasarkan pengkajian kes tertentu. Mikko T. Siponen( 1997) pula menyatakan Etika Komputer dapat didefinisikan sebagai falsafah moral yang berkaitan dengan bidang Teknologi Maklumat. Simon Rogerson ( 1996) menyatakan etika komputer merujuk kepada penggunaan teori etika daripada aspek falsafah kepada masaalah etika yang ditimbulkan serta menjadi semakin teruk disebabkan oleh teknologi perkomputeran<sup>5</sup>.

#### 2.4.3.3 Perkembangan Etika Komputer.

Etika komputer merupakan perbahasan falsafah moral, etika normatif dan dilema etika yang berkaitan dengan teknologi komputer. Ia melibatkan perubahan di dalam kaedah pengkajian terhadap konteks rujukan etika masa lalu. Dan dengan itu ia akan menambah dimensi baru di dalam pengkajian kes-kes yang memerlukan pemikiran semula secara metodologi tentang asas kedudukan sesuatu etika. Masaalah di dalam hampir semua aspek kehidupan yang melibatkan komputer dapat disamakan dengan memerlukan suatu “conceptual interface” supaya dapat menerapkan teori-teori etika kepada senario yang baru (Luciano Floridi 1998 : 3).

Masaalah etika ialah masaalah-masaalah yang mempunyai output yang dilihat sebagai salah atau secara “*inherently*” dianggap tidak adil. Etika komputer juga bersifat normatif, contohnya : melarang seseorang daripada meniru atau menyalin perisian orang lain tanpa

kebenaran ( aspek *prescriptive*), tidak hanya tertakluk kepada individu tertentu tetapi juga tertakluk keatas semua orang (aspek universal), mempunyai kaedah khas di dalam memberikan penyelesaian (aspek *autonomous*), mengatasi kehendak negatif seseorang ( aspek *overriding*) (Siponen 1997 : 3).

Etika komputer digunakan untuk membahas Etika TKM kerana tingkah laku manusia di dalam bidang TKM berkaitan dengan penggunaan teknologi komputer. Secara analitik, Etika TKM juga termasuk di dalam pengkajian disiplin Etika kerana ia mempunyai ciri-ciri berikut:

- i. Merupakan tajuk perbahasan logik yang mana melibatkan penghujahan secara analogi.
- ii. Melibatkan analisis senario yang mempunyai asas-asas empirikal.
- iii. Mengenalpasti pendekatan untuk menyelesaikan masaalah.
- iv. Secara hakikinya, ia juga merupakan penjurusan kepada proses membuat keputusan
- v. Berdasarkan kes (Luciano Floridi 1998 : 2).

Setelah sesuatu isu itu dikenalpasti sebagai permasalahan etika TKM melalui ciri-ciri di atas, pendekatan rasional haruslah diambil di dalam menyelesaikan permasalahan TKM yang melibatkan aspek teknikal, pendidikan dan etika serta harus menerima makai beberapa prinsip perundangan.

Gabungan bukti-bukti emperikal dan hujah logikal di dalam pendekatan yang digunakan makai seperti di atas akan dapat membantu untuk mencapai penyelesaian etika di dalam TKM.( Luciano Floridi 1998 : 2).

#### 2.4.3.4 Prinsip-prinsip Etika Komputer.

Walaupun Teori Kant dan Utilitarianisme sentiasa digunakan secara meluas di dalam konteks ini, penyelesaian yang dikemukakan masih tidak dapat merangkumi semua masalah yang muncul di dalam isu-isu yang melibatkan Teknologi Komunikasi Maklumat (Siponen 1997 : 3). Pengkajian di dalam etika komputer ini menjadi pengkajian tentang tingkah laku manusia dan masyarakat – cita-cita dan nilai, norma-norma tingkah laku, bagaimana kewajipan, hak di dalam sesuatu masyarakat aturkan (Deborah G. Johnson 1994 : 5). Sesuatu institusi tertentu wajar untuk mengambil langkah proaktif di dalam membincangkan perkara yang berkaitan dengan perombakan etika di dalam bidang Teknologi Komunikasi Maklumat. Prinsip etika yang di ketengahkan oleh Institut Etika Komputer (*Computer Ethics Institute*) di Washington,D.C. boleh dijadikan sebagai rujukan bagi kebanyakan institusi lain. Sepuluh prinsip asas yang diketengahkan oleh badan tersebut ialah:

1. Jangan menggunakan komputer untuk membahayakan orang lain.
2. Jangan mencampuri tugas komputer orang lain.
3. Jangan mengintip fail orang lain.
4. Jangan menggunakan komputer untuk mencuri.
5. Jangan menjadikan komputer untuk menyokong penyaksian palsu (*to bear false witness*).
6. Jangan menggunakan atau menyalin perisian kepunyaan orang lain tanpa izin.
7. Jangan menggunakan sumber daya komputer orang lain tanpa kebenaran.
8. Jangan mengambil hasil intelektual orang lain untuk kepentingan diri.
9. Fikirkanlah akibat sosial dari program yang ditulis.
10. Gunakanlah komputer dengan secara hormat dengan mempertimbangkan hak orang lain.

Daripada sepuluh garis panduan di dalam penggunaan komputer seperti yang telah dinyatakan tadi, ianya lebih bersifat umum. Walaupun ia boleh dijadikan rujukan awal, perselisihan di dalam memberikan jawapan kepada persoalan etika yang lebih khusus akan timbul. Suatu garis panduan yang lebih khusus bagi setiap penyimpangan di dalam penggunaan komputer harus dihasilkan. Contohnya garis panduan berbentuk kod tingkah-laku spesifik yang diamalkan oleh *British Computer Society* (BCS) dan *Association for Computing Machinery* (ACM)<sup>6</sup>.

Daripada sepuluh garis panduan di dalam penggunaan komputer seperti yang telah dinyatakan tadi, ianya lebih bersifat umum. Walaupun ia boleh dijadikan rujukan awal, perselisihan di dalam memberikan jawapan kepada persoalan etika yang lebih khusus akan timbul. Suatu garis panduan yang lebih khusus bagi setiap penyimpangan di dalam penggunaan komputer harus dihasilkan. Contohnya garis panduan berbentuk kod tingkah-aku spesifik yang diamalkan oleh *British Computer Society* (BCS) dan *Association for Computing Machinery* (ACM)<sup>6</sup>.

## Nota hujung

<sup>1</sup> *Euthanasia* berasal daripada perkataan Yunani *eu* dan *thanatos*. *Eu* bermaksud baik dan *thanatos* bermaksud mati. Jika digabungkan kedua-dua perkataan tersebut, maka *euthanasia* boleh dikatakan sebagai mati dengan baik. Dengan kata lain, *euthanasia* ialah satu perbuatan menamatkan riwayat seseorang pesakit atas permintaan pesakit itu sendiri atau permintaan ahli keluarga pesakit dengan tujuan mengurangkan kesakitan dan kesengsaraan pesakit itu(Abdul Rahman 1999 : 128).

<sup>2</sup> Justifikasi di dalam ayat ini bermaksud pemberian(Haji Abdul Rahman Yusop 1975.Collins Gem Dictionary.Glasgow:William Collins Sons & Co.Ltd.

<sup>3</sup> Epicurus merupakan salah seorang sarjana di dalam Tamadun Greek. Beliau banyak memberi sumbangan kepada bidang falsafah terutamanya falsafah etika(Manuel Velasquez 1994).

<sup>4</sup> Maxim dapat digambarkan sebagai sebab atau hujah untuk bertingkah-laku kerana tindakan demikian dikatakan dipersetujui oleh orang lain serta bersifat sejagat atau universal. Ia menjadi prinsip Kant iaitu: Bertindaklah jika hujah ( “maxims”) yang digunakan itu sememangnya menjadikan perbuatan kamu selari dengan hukum sejagat(Manuel Velasquez 1994).

<sup>5</sup> Dibincangkan oleh Simon Rogerson(1996) di dalam rencananya yang bertajuk “Information Ethics:TheSecond Generation” di dalam laman web :  
<[http://www.ccsr.cms.dmu.ac.uk/papers/ie\\_sec\\_gen.html](http://www.ccsr.cms.dmu.ac.uk/papers/ie_sec_gen.html)>.

<sup>6</sup> Rujuk Lampiran A (Duncan Langford 1995).